

Saya diundang saat akhir, kata Anwar

Sinar Harian - 9/10/2019 m/s: 6

KUALA LUMPUR - Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim mengakui menerima undangan menghadiri Kongres Maruah Melayu (KMM) kelmarin pada saat akhir.

Menurut Anwar, undangan itu diterima daripada penganjur pada petang Sabtu lalu selepas pihaknya mempersoalkan beliau tidak menerima sebarang jemputan ke program tersebut.

Bagaimanapun, Anwar berkata, beliau tidak dapat menghadirinya kerana berada di Port Dickson.

“Sebenarnya saya memang tidak dijemput namun bila saya tanya pihak kongres mengapa tidak dijemput mereka akhirnya mengemukakan undangan rasmi ke KMM lewat petang Sabtu lalu.

“Undangan itu dimaklumkan (Datuk Seri Dr) Wan Azizah (Wan Ismail) yang menelefon saya petang itu tetapi saya ada program di sekolah dan beberapa tempat lagi (di Parlimen Port Dickson),” katanya kepada media di lobi Parlimen di sini semalam.

Sementara itu, Ahli Parlimen Port Dickson itu berkata, syarat pelantikan Menteri Kewangan tidak semestinya wajib daripada pemimpin kaum Melayu.

“Pemilihan jawatan Menteri Kewangan mesti bercirikan seorang berkelayakan, profesional berkualiti dan prihatin



ANWAR

bukan sahaja terhadap kepentingan Melayu bahkan kepentingan kaum-kaum lain negara ini,” katanya ketika diminta mengulas kenyataan Naib Ketua Pemuda Pas, Ahmad Fadhlhi Shaari yang menyampaikan ucapan resolusi

KMM di Stadium Melawati, Shah Alam kelmarin.

Dalam ucapannya itu, Ahmad Fadhlhi menegaskan jawatan-jawatan penting kerajaan seperti Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Ketua Menteri, Menteri Besar termasuk Menteri Kewangan mesti dilantik dalam kalangan kaum Melayu.